



AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD

(795492-W)
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

KANDUNGAN

LAPORAN PENGARAH	1 - 12
PENYATA PENGARAH	13
AKUAN BERKANUN	14
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	15 - 18
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	19
PENYATA PENDAPATAN	20
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	21
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	22
PENYATA ALIRAN TUNAI	23 - 24
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	25 - 97

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah perniagaan penajajaminan insurans bagi semua jenis perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan-kegiatan sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM'000

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

20,648

DIVIDEN

Dividen akhir peringkat pertama sebanyak 11.26% (RM0.1126 sesaham) ke atas saham biasa yang diisytiharkan dan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 yang berjumlah RM35 juta telah dibayar pada 10 Julai 2017.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir yang akan dibayar bagi tahun kewangan yang ditinjau.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan peruntukan untuk liabiliti insurans adalah mencukupi mengikut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah telah mengambil langkah munasabah untuk memastikan tindakan yang sesuai diambil berkaitan dengan pelupusan hutang lapuk dan membuat peruntukan hutang ragu. Mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui dilupuskan dan peruntukan hutang ragu adalah mencukupi.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

HUTANG LAPUK DAN RAGU (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah Syarikat tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi secara ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan nilai sebarang aset semasa selain hutang yang tidak mungkin direalisasikan sewaktu perniagaan dijalankan akan ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat sebagai jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan kaedah penilaian aset atau liabiliti yang digunakan sekarang dalam Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tiada didapati:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti sesiapa, atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada luar jangka atau liabiliti lain yang dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat memenuhi kewajipannya apabila genap masanya.

Untuk tujuan perenggan ini, luar jangka atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak penajajaminan insurans dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menjadikan sesuatu jumlah yang mengelirukan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat semasa tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa.

Pada pendapat para Pengarah, dari masa tahun kewangan berakhir hingga tarikh laporan ini, tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa yang menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara untuk tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan pada tahun kewangan semasa dan pada tempoh akhir tahun hingga tarikh laporan ini adalah:

Dato' Thomas Mun Lung Lee
Mohd Daruis Bin Zainuddin (meletak jawatan pada 13 Februari 2018)
Ou Shian Waei
Raziyah binti Yahya (dilantik pada 1 Jun 2017)
Thayaparan s/o S Sangarapillai (dilantik pada 5 Januari 2018)
Antony Fook Weng Lee
Matthew James Harris (meletak jawatan pada 21 April 2017)

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan ini, tidak wujud sebarang peraturan di mana Syarikat terlibat dengan tujuan membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain selain daripada Skim Opsyen Saham Pekerja bagi saham biasa American International Group, Inc.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau patut diterima dan boleh diterima oleh para Pengarah dan yuran profesional yang dibayar kepada Syarikat di mana seseorang Pengarah mempunyai kepentingan seperti yang ditunjukkan dalam Nota 21(b) penyata kewangan dan manfaat pekerja penuh masa Syarikat dan perbadanan berkaitan) disebabkan perjanjian yang dimeterai oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan seseorang Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah tersebut ialah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham para Pengarah, kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan berkenaan saham dan opsyen atas saham dalam syarikat induk utama Syarikat semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

<u>American International Group, Inc</u>	<u>Bilangan waran pada harga US\$2.50 setiap satu</u>		
	Pada 01.01.2017	Dilaksanakan	Pada 31.12.2017
Kepentingan langsung			
Antony Fook Weng Lee	9	-	9

<u>American International Group, Inc</u>	<u>Bilangan opsyen saham bagi saham biasa pada harga US\$2.50 setiap satu</u>			
	Pada 01.01.2017	Diberi	Dilaksanakan	Pada 31.12.2017
Opsyen Saham Pekerja				
Antony Fook Weng Lee	416	801	-	1,217

Selain dibentangkan di atas, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan saham dalam Syarikat atau saham, opsyen atas saham dan debentur perbadanan yang berkaitan semasa tahun kewangan.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Butiran imbuhan yang boleh diterima oleh Pengarah pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	2017	2016
	RM'000	RM'000
Yuran Pengarah	587	500
Lain-lain emolumen Para Pengarah*	1,974	1,662
Yuran profesional dibayar kepada para Pengarah atau mana-mana firma yang mana para Pengarah merupakan ahli bagi perkhidmatan yang diberikan	-	-
Amaun yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh mana-mana pihak ketiga untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Pengarah	-	-
Indemniti diberikan atau insurans yang diambil untuk mana-mana Pengarah	58	56
	<u>2,619</u>	<u>2,218</u>

* Termasuk dalam emolumen para Pengarah adalah manfaat bukan tunai (berdasarkan anggaran nilai wang tunai) berjumlah RM30,717 (2016: RM31,674).

PERBADANAN PEMEGANGAN TERDEKAT DAN INDUK

Syarikat pemegangan terdekat adalah AIG Asia Pacific Insurance Pte Ltd, sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Singapura, dan para Pengarah menetapkan American International Group, Inc, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat, sebagai perbadanan pemegangan induk Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat telah mengambil langkah-langkah berhemat bagi memastikan pematuhan terhadap Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penanggung insurans dan menggunakan amalan yang terbaik sepanjang masa.

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN

Lembaga bertanggungjawab menguruskan sumber-sumber Syarikat dengan mantap, pencapaian objektif korporat dan pematuhan amalan tadbir urus korporat yang baik selaras dengan Garis Panduan. Syarikat telah mematuhi aplikasi-aplikasi terbitan dan telah menerima pakai amalan pengurusan yang selaras dengan garis panduan tersebut.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memimpin Syarikat secara keseluruhannya. Ini termasuk menetapkan arah masa depan yang strategik, mengkaji semula keberkesanan objektif korporat dan memantau pelaksanaan dan prestasi perniagaan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada 3 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, 1 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan 2 Pengarah Eksekutif bagi tahun kewangan 2017. Lembaga Pengarah berkelayakan dan berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan dan kewangan untuk mengutarakan arah tuju yang berkesan dari segi objektif korporat dan strategi perniagaan.

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 8 kali sepanjang tahun kewangan. Semua Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan 2017 memenuhi keperluan kehadiran minimum 75% dalam mesyuarat.

Butir-butir kehadiran setiap Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

<u>Nama Pengarah</u>	<u>(Status Pengarah)</u>	<u>Bil. Mesyuarat Dihadiri</u>
Dato' Thomas Mun Lung Lee	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	8/8
Mohd Daruis Bin Zainuddin	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	8/8
Ou Shian Waei	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	8/8
Raziyah binti Yahya (dilantik pada 1 Jun 2017)	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6/6
Antony Fook Weng Lee	(Pengarah Bukan Bebas Eksekutif)	8/8
Matthew James Harris (meletak jawatan pada 21 April 2017)	(Pengarah Bukan Bebas Eksekutif)	1/2
Thayaparan a/l S Sangarapillai (dilantik pada 5 Januari 2018)	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	Tidak berkaitan

Bagi menyokong tadbir urus dan proses-proses korporat yang mantap, Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit yang mematuhi keperluan Garis Panduan. Garis panduan mewajibkan pematuhan sepenuhnya kepada Bidang Tugas Jawatankuasa ini. Lembaga Pengarah telah mengguna-pakai bidang tugas Jawatankuasa ini.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Peranan dan ahli-ahli Jawatankuasa di atas adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan

Berkuatkuasa 20 September 2017, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan telah digabungkan menjadi satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Imbuhan & Pencalonan.

Jawatankuasa Imbuhan dan Pencalonan ("RNC") terdiri daripada 5 orang ahli yang dilantik daripada Lembaga Pengarah. Ahli-ahli semasa RNC adalah seperti berikut:

Ou Shian Waei	Ahli* (Bebas Bukan Eksekutif)
Mohd Daruis Bin Zainuddin	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Raziyah binti Yahya (dilantik pada 1 Jun 2017)	Pengerusi* (Bebas Bukan Eksekutif)
Thayaparan a/l S Sangarapillai (dilantik pada 5 Januari 2018)	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)

* Cik Raziyah binti Yahya dilantik sebagai Pengerusi untuk RNC berkuatkuasa 20 September 2017, menggantikan Encik Ou Shian Waei sebagai Pengerusi.

Objektif RNC adalah:

- untuk menubuhkan prosedur formal dan telus yang didokumenkan untuk pelantikan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") dan Pegawai Kanan Utama ("KSO") dan untuk menilai keberkesanan Pengarah individu, Lembaga secara keseluruhan (termasuk pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah), CEO dan KSO secara berterusan; dan
- untuk menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan bagi para Pengarah, CEO dan KSO dan memastikan bahawa pampasan mereka adalah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa RNC adalah:

- (a) mewujudkan keperluan minimum untuk Lembaga Pengarah dan CEO melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengawasi Lembaga Pengarah dengan sepenuhnya dari segi saiz yang sesuai dan gabungan kemahiran, keseimbangan antara eksekutif, bukan eksekutif dan Pengarah bebas serta kecekapan utama lain yang diperlukan;
- (b) menyarankan dan menilai calon untuk jawatan Pengarah, para Pengarah untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta calon untuk jawatan CEO. Ini termasuk menilai para Pengarah dan CEO yang dicadangkan untuk pelantikan semula sebelum permohonan kelulusan diserahkan kepada Bank Negara Malaysia ("BNM");

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

- (c) mewujudkan mekanisme untuk penilaian formal dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah sepenuhnya, sumbangan setiap Pengarah ke atas keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berlainan dan prestasi CEO. Penilaian sepatutnya juga termasuk memastikan Pengarah tidak dibatalkan kelayakannya di bawah undang-undang yang relevan dan memenuhi kriteria 'tepat dan sesuai';
- (d) menyarankan pelucutan Pengarah atau CEO kepada Lembaga Pengarah sekiranya beliau tidak berkesan, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya;
- (e) memastikan ke semua para Pengarah mengikuti program induksi yang sesuai dan mengikuti latihan yang berterusan;
- (f) mengawasi pelantikan, pengurusan perancangan pengambilalihan dan penilaian prestasi KSO, serta menyarankan kepada Lembaga Pengarah pelucutan KSO sekiranya beliau tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka.
- (g) menyarankan kerangka imbuhan para Pengarah, CEO dan KSO. Dasar imbuhan patut:-
 - didokumentasikan dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah dan sebarang perubahan perlu disahkan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah;
 - menunjukkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipegang oleh setiap Pengarah, CEO dan KSO;
 - mencukupi untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah, CEO dan KSO yang berkualiti untuk menguruskan syarikat dengan berjaya; dan
 - seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana penanggung insurans tidak digunakan sebagai subsidi untuk pakej imbuhan yang keterlaluan dan tidak patut mewujudkan insentif untuk kelakuan yang tidak bertanggungjawab atau lebih untuk orang dalaman.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

- (h) menyarankan pakej imbuhan yang spesifik untuk para Pengarah, CEO dan KSO. Pakej imbuhan patut:-
- berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah:-
 - mempertimbangkan penilaian jawatankuasa pencalonan tentang keberkesanan dan sumbangan para Pengarah, CEO atau KSO yang terlibat;
 - tidak diputuskan oleh pertimbangan seorang individu sahaja atau terhadap kepada sekumpulan individu tertentu; dan
 - berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Jawatankuasa RNC bermesyuarat 7 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Kesemua ahli Jawatankuasa RNC pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") terdiri daripada 5 Pengarah Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Ou Shian Waei	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Raziyah binti Yahya (dilantik pada 1 Jun 2017)	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Thayaparan a/l S Sangarapillai (dilantik pada 5 Januari 2018)	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif RMC adalah mengawasi kegiatan pengurusan kanan dalam menguruskan bahagian risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko yang sewajarnya wujud dan berfungsi secara berkesan.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa RMC adalah:

- (a) mengkaji semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, polisi dan paras toleransi risiko untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (b) mengkaji semula dan menilaikan keberkesanan polisi pengurusan risiko dan rangka untuk mengenal pasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko serta kesemua ini beroperasi dengan berkesan;
- (c) memastikan infrastruktur, sumber dan sistem adalah mencukupi untuk pengurusan risiko yang berkesan; misalnya memastikan pekerja yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan sistem pengurusan risiko menjalankan tugasnya secara bebas daripada kegiatan berisiko Syarikat; dan
- (d) mengkaji semula laporan berkala pengurusan tentang pendedahan risiko, kandungan portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

Jawatankuasa RMC bermesyuarat 4 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Kesemua ahli Jawatankuasa RMC pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ("AC") terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Ou Shian Waei	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Thayaparan s/l S Sangarapillai (dilantik pada 5 Januari 2018)	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif utama Jawatankuasa Audit adalah memastikan proses laporan kewangan benar dan nyata.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah:

- (a) Memastikan bahawa jabatan audit dalaman adalah ketara dan mempunyai status yang sewajarnya dalam struktur keseluruhan organisasi untuk juruaudit dalaman mencapai objektif mereka dengan berkesan;
- (b) Mengkaji semula dan mempersetujui pelan audit tahunan, piagam audit dan belanjawan tahunan jabatan audit dalaman dan pelantikan juruaudit luaran;

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Audit (sambungan)

- (c) Memastikan kakitangan audit dalaman mempunyai capaian yang bebas dan tidak terhad ke atas rekod, aset, kakitangan Syarikat atau proses yang relevan dengan dan dalam skop audit;
- (d) Mengkaji semula pelbagai hubungan antara juruaudit luaran dengan Syarikat atau sebarang entiti lain yang mungkin menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan atau kebebasan juruaudit luaran yang berkaitan dengan Syarikat;
- (e) Mengkaji semula bersama juruaudit luaran supaya pelan audit adalah sesuai dan skop pelan audit mencerminkan terma dalam surat pelantikan;
- (f) Mengkaji semula penyata-penyata kewangan, laporan audit, termasuk laporan kepada BNM bersama juruaudit luaran dan membincangkan hasil penilaian dan isu yang timbul daripada audit luaran;
- (g) Memastikan usaha pembaikan pengurusan tentang hasil penilaian dan saranan audit dalaman dan luaran diselesaikan secara berkesan dan tepat pada waktunya;
- (h) Meluluskan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran dan memastikan tahap perkhidmatan bukan audit yang diberikan adalah selaras dengan pengendalian kebebasan juruaudit;
- (i) Mengkaji semula penyata Pengerusi, laporan kewangan interim, pengumuman saringan dan pendedahan tadbir urus korporat dalam Laporan Para Pengarah;
- (j) Mengkaji semula urusan dengan pihak yang berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam sebarang urusan, prosedur atau tatalaku yang menimbulkan persoalan tentang integriti pengurusan;
- (k) Memastikan akaun-akaun Syarikat disediakan dan diterbitkan tepat pada masanya dan juga tepat untuk tujuan perundangan, pengurusan dan laporan am; dan
- (l) Melapor kepada BNM setiap tahun, tentang kelemahan yang nyata dalam persekitaran kawalan dalaman serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan itu.

Jawatankuasa Audit berkuatkuasa menyiasat semua perkara dalam lingkungan bidang tugasnya dan mempunyai capaian yang tidak terhad ke atas semua maklumat dan dokumen yang relevan dengan kegiatannya, juruaudit dalaman dan luaran, serta pekerja dan ejen Syarikat.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat 3 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut

IMBUHAN JURUAUDIT

Imbuan juruaudit luaran bagi audit berkanun bagi tahun kewangan berjumlah RM380,000, seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan. Tiada ganti rugi diberikan atau insuran yang diambil untuk juruaudit luaran Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(B) AKAUNTABILITI PENGURUSAN

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas untuk deskripsi tugas, had kuasa dan sempadan operasi lain untuk setiap pekerja pengurusan dan eksekutif serta penilaian prestasi formal dilakukan setiap tahun. Maklumat dikomunikasikan secara berkesan kepada pekerja yang berkaitan di dalam Syarikat. Syarikat mempunyai prosedur yang formal dan nyata untuk menghasilkan polisi imbuhan eksekutif. Tiada Pengarah dan pengurusan kanan Syarikat yang mempunyai konflik kepentingan dalam sebarang keadaan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Pihak pengurusan memenuhi semua keperluan preskriptif di bawah seksyen ini dan telah mengamalkan praktis terbaik dalam bahagian struktur organisasi dan pembahagian tugas, konflik kepentingan, penentuan matlamat dan bahagian komunikasi.

(C) KEBEBASAN KORPORAT

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan dilakukan atas syarat yang dipersetujui seperti dispesifikasikan di bawah Garis Panduan BNM, BNM/RH/GL/018-6 Urusniaga dengan Pihak Berkaitan dan Rangka Kerja BNM bagi Tadbir Urus Korporat untuk Penanggung Insurans. Urusniaga dengan pihak berkaitan dan baki telah didedahkan dalam penyata kewangan menurut MFRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan.

(D) KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditentukan. Ini termasuk penentuan had risiko operasi untuk semua kegiatan utama. Syarikat telah membentuk kawalan dalaman yang meliputi semua peringkat pekerja yang dapat mengenalpasti dan menilai risiko nyata secara berterusan, termasuk risiko penajajaminan, risiko menginsurans semula, risiko pelaburan, risiko operasi dan perundangan yang dapat menjejaskan prestasi dan keadaan kewangan Syarikat.

Pengkajian semula dan penilaian yang berterusan mengenai keberkesanan dan menaksir kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, untuk memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

(E) AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman adalah dibekalkan oleh syarikat induk utama, AIG. Kumpulan Audit Dalaman (GIA) yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit AIG juga membantu Jawatankuasa Audit Syarikat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Fungsi utama GIA termasuk penilaian keberkesanan dan menaksir kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan dan memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(F) AKAUNTABILITI AWAM

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat yang dijalankan dengan pihak awam adalah adil, jujur dan profesional. Syarikat mematuhi semua keperluan preskriptif dan amalan terbaik di bawah seksyen ini yang berkaitan dengan amalan tidak adil.

(G) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Syarikat disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan keperluan pengawalseliaan lain yang berkaitan. Di samping itu, Syarikat juga memenuhi keperluan amalan terbaik tentang laporan pengurusan, di mana petunjuk prestasi utama dilaporkan setiap bulan.

JURUAUDIT

Juruaudit luaran, iaitu PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), menyatakan kesudian mereka untuk dilantik semula sebagai juruaudit.

PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146) telah didaftarkan pada 2 Januari 2018 dan berkuat kuasa dari tarikh itu, PricewaterhouseCoopers (AF 1146), sebuah perkongsian konvensional yang telah diubah kepada perkongsian liabiliti terhad.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Mac 2018.

ANTONY FOOK WENG LEE
PENGARAH

OU SHIAN WAEI
PENGARAH

Kuala Lumpur
26 Mac 2018

PENYATA PENGARAH

MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT, 2016

Kami, Antony Fook Weng Lee dan Ou Shian Waei, selaku dua daripada para Pengarah AIG Malaysia Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 97 disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 December 2017 disediakan menurut peruntukan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi yang diluluskan pada 26 Mac 2018.

ANTONY FOOK WENG LEE
PENGARAH

Kuala Lumpur
26 Mac 2018

OU SHIAN WAEI
PENGARAH

AKUAN BERKANUN

MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(1) AKTA SYARIKAT, 2016

Saya, Zawinah Bte Ismail, selaku Pegawai yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan AIG Malaysia Insurance Berhad dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 97 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016, dan mengikut pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan disediakan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

ZAWINAH BTE ISMAIL

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh yang bernama di atas di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 26 Mac 2018.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan AIG Malaysia Insurance Berhad ("Syarikat") memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2017, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Apa yang kami telah mengaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan bertarikh 31 Disember 2017 bagi Syarikat, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 19 hingga 97.

Asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan" di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Syarikat menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain merangkumi Laporan Pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit kami sesudahnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata matan.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja-kerja yang telah kami melaksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat agar memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman menurut budi bicara para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang wajar sekiranya penyata kewangan Syarikat secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata matan penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Syarikat menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan Syarikat mewakili urus niaga dasar dan peristiwa-peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (sambungan)

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai perbadanan, menurut Seksyen 266 dalam Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa tentang kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLPOO14401-LCA & AF 1146
Akauntan-Akauntan Bertauliah

WONG HUI CHERN
3252/05/2018 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
26 Mac 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Aset			
Hartanah dan peralatan	4	2,851	4,066
Aset tidak ketara	5	2,918	2,240
Aset kewangan tersedia untuk jualan	6	611,946	740,491
Aset insurans semula	7	223,823	180,677
Pinjaman dan penghutang, tidak termasuk penghutang insurans	8	377,029	251,804
Penghutang insurans	9	110,196	111,990
Kos perolehan tertunda	10	43,654	38,356
Aset cukai tertunda	13	7,697	-
Cukai boleh pulih		6,411	10,823
Tunai dan baki bank		135,147	44,540
Jumlah aset		<u>1,521,672</u>	<u>1,384,987</u>
Ekuiti dan liabiliti			
Modal saham	11(a)	310,800	310,800
Perolehan tertahan	11(b)	68,835	83,187
Rizab tersedia untuk jualan	11(c)	12,683	9,594
Jumlah ekuiti		<u>392,318</u>	<u>403,581</u>
Liabiliti kontrak insurans	12	862,016	775,120
Liabiliti cukai tertunda	13	-	2,543
Pemiutang insurans	14	145,428	111,315
Pemiutang lain	15	121,910	92,428
Jumlah liabiliti		<u>1,129,354</u>	<u>981,406</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>1,521,672</u>	<u>1,384,987</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Premium terperoleh kasar	16(a)	693,482	723,605
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula	16(b)	(196,459)	(174,288)
Premium terperoleh bersih		<u>497,023</u>	<u>549,317</u>
Pendapatan pelaburan	17	36,216	38,076
Keuntungan dan kerugian terealisasi	18	633	17
Pendapatan komisen	19(a)	53,270	49,444
Hasil operasi lain		4,605	(2,866)
Hasil lain		<u>591,747</u>	<u>633,988</u>
Tuntutan kasar dibayar	20(a)	(324,264)	(350,509)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	20(b)	57,003	53,982
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	20(c)	(65,516)	58,355
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penanggung insurans semula	20(d)	47,635	(23,838)
Tuntutan bersih ditanggung		<u>(285,142)</u>	<u>(262,010)</u>
Perbelanjaan komisen	19(b)	(82,290)	(88,846)
Perbelanjaan pengurusan	21	(194,471)	(220,273)
Perbelanjaan lain		<u>(276,761)</u>	<u>(309,119)</u>
Keuntungan sebelum cukai		29,844	62,859
Perbelanjaan cukai pendapatan	22	(9,196)	(24,210)
Keuntungan bagi tahun kewangan		<u>20,648</u>	<u>38,649</u>
Perolehan sesaham			
Asas	23	7 sen	12 sen

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM'000	2016 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan		20,648	38,649
Pendapatan komprehensif lain:			
Item yang mungkin diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian			
Perubahan dalam rizab tersedia untuk jualan:			
- Keuntungan/(kerugian) nilai saksama timbul semasa tahun kewangan	6(b)	4,684	(2,406)
- Keuntungan terealisasi nilai saksama dipindahkan ke Penyata Pendapatan	18	(619)	(17)
- Kesan cukai ke atas perubahan dalam rizab nilai saksama		(976)	582
		<u>3,089</u>	<u>(1,841)</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		<u>23,737</u>	<u>36,808</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUTI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	— Tidak Boleh Diagih —		Boleh Diagih	Jumlah
	Modal saham	Rizab tersedia untuk jualan	Perolehan tertahan	
	RM'000	RM'000	RM'000	
Pada 1 Januari 2016	310,800	11,435	144,538	466,773
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	38,649	38,649
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	(1,841)	-	(1,841)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	(1,841)	38,649	36,808
Dividen dibayar bagi tahun kewangan (Nota 24)	-	-	(100,000)	(100,000)
Pada 31 Disember 2016	310,800	9,594	83,187	403,581
Pada 1 Januari 2017	310,800	9,594	83,187	403,581
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	20,648	20,648
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	3,089	-	3,089
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	3,089	20,648	23,737
Dividen dibayar bagi tahun kewangan (Nota 24)	-	-	(35,000)	(35,000)
Pada 31 Disember 2017	310,800	12,683	68,835	392,318
	Nota 11(a)	Nota 11(c)	Nota 11(b)	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017	2016
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI		
Keuntungan bagi tahun kewangan	20,648	38,649
Pelarasan bagi:		
Kerugian ke atas hapuskira hartanah dan peralatan	-	824
Kerugian ke atas hapuskira aset tidak ketara	-	2,453
Susut nilai hartanah dan peralatan	2,113	1,998
Pelunasan aset tidak ketara	826	390
Pendapatan pelaburan	(36,216)	(38,076)
Pembalikan kerugian rosot nilai atas LAR	(152)	(294)
Kerugian rosot nilai atas aset kewangan AFS	149	693
Keuntungan nilai saksama AFS dinyatakan dalam Penyata Pendapatan	(619)	(17)
Keuntungan ke atas pelupusan hartanah dan peralatan	(14)	-
Perbelanjaan cukai pendapatan	9,196	24,210
Hutang lapuk dihapuskira ke atas penghutang insurans	499	3,189
Hutang lapuk dipulih ke atas penghutang insurans	(259)	(177)
Peruntukan rosot nilai ke atas penghutang insurans	(1,300)	(513)
	<u>(5,129)</u>	<u>33,329</u>
Perubahan dalam modal kerja:		
(Penambahan)/pengurangan dalam aset insurans semula	(43,146)	2,656
Pengurangan dalam penghutang insurans	2,854	12,469
(Penambahan)/pengurangan dalam kos perolehan tertunda	(5,298)	2,323
Penambahan/(pengurangan) dalam liabiliti kontrak insurans	86,897	(69,052)
Penambahan dalam pemiutang insurans	34,113	22,599
Penambahan dalam lain-lain pemiutang	29,483	51,111
Penambahan dalam pinjaman dan penghutang, tidak termasuk penghutang insurans	(122,785)	(18,503)
	<u>(23,011)</u>	<u>36,932</u>
Tunai dijana daripada operasi	(23,011)	36,932
Cukai dibayar	(16,000)	(25,715)
	<u>(39,011)</u>	<u>11,217</u>
Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi	(39,011)	11,217

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

	2017	2016
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Pembelian hartanah dan peralatan	(899)	(761)
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	16	-
Pembelian aset tidak ketara	(1,504)	(751)
Pendapatan faedah diterima	33,774	38,246
Pendapatan dividen diterima	1,829	1,635
Pembelian aset kewangan AFS	(59,777)	(123,054)
Perolehan daripada pelupusan dan kematangan aset kewangan AFS	191,179	165,083
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	164,618	80,398
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Dividen dibayar	(35,000)	(100,000)
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	(35,000)	(100,000)
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARAAN	90,607	(8,385)
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 1 JANUARI	44,540	52,925
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 31 DISEMBER	<u>135,147</u>	<u>44,540</u>
Tunai dan tunai setaraan merangkumi:		
Tunai dan baki bank	3,597	560
Deposit tetap dan panggilan dengan kematangan kurang daripada 3 bulan	131,550	43,980
	<u>135,147</u>	<u>44,540</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017

1. KEGIATAN UTAMA DAN INFORMASI AM

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan dan didomisi di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Aras 18, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Syarikat menjalankan kegiatan utamanya, iaitu perniagaan penajajaminan insurans bagi semua jenis perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan-kegiatan sepanjang tahun kewangan.

Syarikat pemegang terdekatan adalah AIG Asia Pacific Insurance Pte Ltd, sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Singapura, dan para Pengarah menetapkan American International Group, Inc, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat, sebagai perbadanan pemegang induk.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka pada 26 Mac 2018.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara berterusan dalam urusan yang dianggap sebagai penting berhubung dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa, keperluan Akta Syarikat, 2016 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat juga telah disediakan mengikut kos sejarah kovensyen kecuali yang dibentangkan dalam ringkasan dasar perakaunan penting.

Syarikat telah memenuhi keperluan modal minimum yang dinyatakan dalam rangka kerja pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih hanya dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikannya atas asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam penyata pendapatan kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, seperti dibentangkan secara khusus dalam dasar perakaunan Syarikat.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal yang tertentu yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan laporan. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk membuat pertimbangan dalam proses menggunakan dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran-anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang telah dibuat.

Bahagian-bahagian yang melibatkan lebih banyak pertimbangan atau lebih rumit, atau bahagian-bahagian di mana andaian dan anggaran adalah ketara kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3 pada penyata kewangan

Piawaian-piawaian berikut telah diterima-pakai oleh Syarikat buat pertama kali bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2017:

- Pindaan kepada MFRS 107 'Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan'
- Pindaan kepada MFRS 112 'Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalisasi' menjelaskan keperluan bagi pengiktirafan aset cukai tertunda ke atas kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada perbezaan sementara boleh tolak ke atas aset yang dibawa pada nilai saksama.

Selain itu, dalam menilai sama ada sesuatu entiti akan mempunyai keuntungan boleh cukai masa depan yang mencukupi berbanding dengan perbezaan sementara boleh kurang yang boleh digunakan, pindaan ini menyarankan entiti untuk membandingkan perbezaan sementara boleh kurang dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang tidak termasuk potongan cukai yang terhasil daripada pembalikan perbezaan sementara tersebut.

Pindaan-pindaan ini akan diguna-pakai secara retrospektif.

Tiada kesan ketara yang timbul akibat pengguna-pakaian pindaan-pindaan ini kecuali bagi pendedahan yang dipertingkatkan kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang boleh diguna-pakai oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif

Syarikat akan mengguna-pakai piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran dalam jangkamasa berikut:

Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran campuran di dalam MFRS 139 dan mengasaskan tiga kategori pengukuran utama bagi aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama menerusi untung atau rugi dan nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri perjanjian aliran tunai aset kewangan. Pelaburan di dalam instrumen ekuiti sentiasa dinilai pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau kerugian dengan opsyen tidak boleh dibatal pada permulaan kepada perubahan semasa di dalam nilai saksama di OCI (dengan syarat instrumen tersebut tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunas hanya sekiranya entiti memegangnya bagi pengumpulan aliran tunai berkontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah.

Bagi liabiliti, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos dilunaskan bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan derivatif terbenam. Perubahan yang ketara adalah di mana pilihan nilai saksama dipergunakan bagi liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti tersendiri dicatatkan di dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya di dalam penyata pendapatan, kecuali ini menyebabkan ketidakselarasan perakaunan.

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit dijangka ke atas kemerosotan bagi kesemua aset kewangan yang menggantikan model kerugian rosot nilai tertanggung yang digunakan di dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka meninjau ke masa depan dan menyingkirkan keperluan sesuatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

Kumpulan masih dalam proses mengkaji kesan penggunaan MFRS 9 dan akan melengkapkan proses ini sebelum tempoh tamat tarikh laporan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang boleh diguna-pakai oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif (sambungan)

Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2018 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 4 - Mengguna-pakai MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dengan MFRS 4 'Kontrak Insurans' berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Pindaan ini membolehkan entiti-entiti mengelakkan ketidaktentuan sementara dalam keuntungan atau kerugian yang mungkin timbul akibat penerima-pakaian MFRS 9 "Instrumen Kewangan" sebelum piawaian kontrak insurans baru yang akan datang. Ini kerana aset kewangan tertentu perlu diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian di bawah MFRS 9; sedangkan, di bawah MFRS 4 'Kontrak Insurans', liabiliti berkaitan dari kontrak insurans sering diukur pada kos yang dilunaskan.

Pindaan ini menyediakan 2 pendekatan berbeza bagi entiti-entiti: (i) pengecualian sementara dari MFRS 9 bagi entiti-entiti yang memenuhi keperluan khusus; dan (ii) pendekatan bertindih. Kedua-dua pendekatan ini merupakan pilihan.

Pengecualian sementara membolehkan entiti yang layak untuk menangguhkan tarikh pelaksanaan MFRS 9 untuk tempoh tahunan bermula selewatnya sebelum 1 Januari 2021. Entiti boleh menggunakan pengecualian sementara daripada MFRS 9 jika sebahagian besar aktiviti berkaitan dengan insurans sementara pendekatan bertindih membolehkan entiti menyesuaikan keuntungan atau kerugian bagi aset kewangan yang layak dengan menghapuskan ketidaktentuan perakaunan kepada pendapatan komprehensif lain yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 9.

Sesebuah entiti boleh menggunakan pengecualian sementara daripada MFRS 9 dari tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Sesuatu entiti boleh mula menggunakan pendekatan bertindih apabila ianya menggunakan MFRS 9 buat kali pertama.

Aktiviti perniagaan Syarikat sebahagian besarnya adalah insurans dan dengan itu, layak untuk pendekatan pengecualian sementara. Oleh itu, pihak pengurusan telah memutuskan untuk menggunakan pengecualian sementara dari MFRS 9 bagi tempoh tahunan bermula 1 Januari 2018 dan akan mengguna pakai MFRS 9 untuk tempoh tahunan bermula 1 Januari 2021.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang boleh diguna-pakai oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif (sambungan)

Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2018 (sambungan)

- MFRS 15 “Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan” menggantikan MFRS 118 “Hasil” dan MFRS 111 “Kontrak Pembinaan” dan tafsiran-tafsiran yang berkaitan. Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah bahawa sesebuah entiti mengiktiraf hasil untuk menunjukkan pemindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam suatu amaun yang mencerminkan balasan yang kepadanya sesuatu entiti itu menjangkakan haknya sebagai pertukaran dengan barangan atau perkhidmatan tersebut.

Hasil diiktiraf apabila seseorang pelanggan memperoleh kawalan ke atas barangan dan perkhidmatan, iaitu apabila pelanggan mempunyai keupayaan untuk mengawal penggunaannya dan memperoleh manfaat daripada barangan atau perkhidmatan tersebut.

Satu proses lima-langkah yang baru diguna-pakai sebelum hasil pendapatan dapat diiktiraf:

- Mengenalpasti kontrak-kontrak dengan pelanggan;
- Mengenalpasti obligasi prestasi yang berasingan;
- Menentukan harga transaksi bagi kontrak;
- Memperuntukkan harga transaksi bagi setiap obligasi prestasi yang berasingan; dan
- Mengiktiraf hasil pendapatan setelah setiap obligasi prestasi dipenuhi.

Peruntukan utama dalam piawaian baru tersebut adalah seperti berikut:

- Sebarang barangan atau perkhidmatan terikat yang berlainan mestilah diiktiraf secara berasingan dan sebarang diskaun atau rebat bagi harga kontrak mestilah secara umumnya diperuntukkan kepada elemen-elemen berasingan.
- Sekiranya pertimbangan adalah pelbagai (untuk insentif, rebat, yuran prestasi, royalti, kejayaan suatu hasil, dll) jumlah hasil minimum mesti diiktiraf sekiranya ianya tidak mempunyai risiko songsangan yang ketara.
- Takat di mana hasil dapat diiktiraf boleh beralih: sebahagian daripada hasil yang kini diiktiraf pada sesuatu takat masa pada penghujung sesuatu kontrak mungkin perlu diiktiraf meliputi jangka hayat kontrak dan sebaliknya.
- Terdapat peraturan-peraturan tertentu baru, di antara lain, lesen, waranti, yuran pendahuluan yang tidak boleh dipulangkan, dan perkiraan konsainan.
- Sebagaimana dengan mana-mana piawaian baru, pendedahan juga lebih meningkat.

Syarikat kini sedang dalam proses menilai kesan kewangan yang akan timbul akibat penerima-pakaian MFRS 15.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang boleh diguna-pakai oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif (sambungan)

Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16 "Pajakan" menggantikan MFRS 117 "Pajakan" dan tafsiran yang berkaitan.

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah satu kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi satu tempoh masa sebagai ganti untuk pertimbangan.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh penerima pajak sama ada sebagai pajakan kewangan (di dalam lembaran imbangan) atau pajakan operasi (di luar lembaran imbangan). MFRS 16 memerlukan penerima pajak untuk mengiktiraf 'hak-guna' aset asas dan liabiliti pajakan yang mencerminkan bayaran pajakan masa depan bagi kebanyakan pajakan

Aset hak-guna disusut-nilaikan selaras dengan prinsip di dalam MFRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" dan liabiliti pajakan ditambah dari masa ke masa di mana perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar daripada keperluan dalam MFRS 117. Pemberi pajak meneruskan pengelasan ke semua pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan menghitungkannya secara berasingan.

Syarikat kini sedang dalam proses menilai kesan kewangan yang akan timbul akibat penerima-pakaian MFRS 16.

- Tafsiran IC 23 "Ketidakpastian mengenai Pemprosesan Cukai Pendapatan" memberi panduan tentang bagaimana untuk mengiktiraf dan mengukur aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda dan semasa di mana wujudnya ketidakpastian berhubung pemprosesan cukai.

Sekiranya sesebuah entiti menyimpulkan bahawa sesuatu pemprosesan cukai tidak mungkin diterima oleh pihak berkuasa cukai, kesan ketidakpastian cukai harus dicatatkan pada masa tempoh di mana penentuan tersebut dibuat. Sesebuah entiti haruslah mengukur kesan ketidakpastian dengan menggunakan kaedah terbaik yang dapat menentukan penyelesaian ketidakpastian.

Tafsiran IC 23 akan digunakan secara retrospektif.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang boleh diguna-pakai oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif (sambungan)

Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17 'Kontrak Insurans' (berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021) menggantikan MFRS 4 'Kontrak Insurans'.

MFRS 17 diguna pakai bagi kontrak insurans yang diterbitkan, merangkumi ke semua kontrak insurans semula dan kontrak pelaburan dengan ciri-ciri penyertaan budi bicara sekiranya sesuatu entiti juga menerbitkan kontrak insurans. Bagi kontrak perkhidmatan yuran tetap di mana tujuan utamanya adalah penyediaan perkhidmatan, sesuatu entiti mempunyai pilihan dasar perakaunan untuk menjelaskannya mengikut MFRS 17 atau MFRS 15 'Hasil'. Sesuatu entiti dibenarkan menjelaskan kontrak jaminan kewangan mengikut MFRS 17 sekiranya entiti tersebut telah menegaskan secara eksplisit bahawa ianya telah menetapkannya sebagai kontrak insurans. Kontrak insurans, (selain daripada insurans semula) di mana entiti merupakan pemegang polisi tidak berada dalam skop MFRS 17. Derivatif terbenam dan pelaburan berbeza dan komponen pelaburan mestilah 'diuraikan' dan diambil kira secara berasingan mengikut MFRS yang berkaitan. Penguraian secara sukarela komponen lain tidak diiktiraf.

MFRS 17 memerlukan model pengukuran semasa di mana anggaran diukur semula pada setiap tempoh pelaporan. Pengukuran adalah berdasarkan pendiskauan, aliran tunai kebarangkalian wajaran, pelarasan risiko dan margin perkhidmatan kontrak ('CSM') yang mewakili keuntungan kontrak yang belum diperolehi. Sesuatu entiti mempunyai pilihan polisi untuk mengiktiraf kesan perubahan dalam kadar diskaun dan andaian lain yang berkaitan dengan risiko kewangan sama ada di dalam keuntungan atau kerugian di dalam pendapatan komprehensif lain.

Model pengukuran alternatif disediakan bagi perlindungan insurans yang berlainan:

- a) Pendekatan Peruntukan Premium Ringkas sekiranya tempoh perlindungan insurans adalah setahun atau kurang; atau
- b) Pendekatan Yuran Berubah harus digunakan bagi kontrak insurans yang menyatakan hubungan di antara bayaran kepada pemegang polisi dan pulangan asas.

Penanggung insurans dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai jumlah, pertimbangan dan risiko yang timbul daripada kontrak insurans.

Syarikat belum menilai sepenuhnya kesan MFRS 17 ke atas penyata kewangannya.

Ke semua pindaan baru yang lain terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada terbitan piawaian sedia ada oleh MASB yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan selepas 1 Januari 2021 tidak berkenaan dengan Syarikat.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah dan peralatan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam jumlah dibawa aset atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, dengan sewajarnya, hanya jika faedah ekonomi pada masa hadapan aset itu dimasukkan dalam Syarikat dan kos aset itu boleh diukur dengan tepat. Jumlah dibawa untuk bahagian yang diganti tidak akan diambil kira. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke dalam keuntungan atau kerugian pada tahun kewangan semasa kos tersebut ditanggung. Kos pengubahsuaian yang banyak dimasukkan dalam jumlah dibawa aset itu hanya jika lebihan faedah ekonomi pada masa hadapan daripada prestasi asal yang dinilai aset semasa itu dimasukkan ke dalam Syarikat.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan diperuntukkan atas dasar garis lurus untuk menghapuskira kos asset sehingga ke nilai sisanya sepanjang tempoh hayat berguna aset tersebut, diringkaskan seperti berikut:

Perabot dan peralatan	5 tahun
Peralatan komputer	2 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun

Nilai sisa dan tempoh hayat berguna aset akan dinilai semula dan diselaraskan, sekiranya perlu, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat akan menilai sama ada terdapat sebarang rosot nilai. Sekiranya terdapat rosot nilai, kajian akan dibuat untuk menentukan sama ada jumlah dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat sekiranya jumlah dibawa melebihi jumlah boleh pulih. Lihat dasar perakaunan Nota 2(d) pada penyata kewangan untuk rosot nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian atas penjualan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah dibawa dan dikredit atau dicaj ke dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Aset tidak ketara – perisian komputer

Lesen perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna.

Kos berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa ditanggung. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik di bawah kawalan Syarikat, dan kemungkinan besar menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos menjangkau satu tahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos merangkumi kos pekerja yang terlibat dalam pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang diperuntukkan.

Kos pembangunan perisian komputer diiktiraf sebagai aset dilunaskan dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran tempoh hayat berguna yang tidak melebihi 3 tahun.

(d) Rosot nilai aset bukan kewangan

Nilai dibawa aset akan dikaji semula untuk rosot nilai apabila terdapat sebarang tanda aset mungkin rosot nilai. Rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah yang lebih tinggi di antara nilai boleh realis bersih dan nilai dalam guna, yang dikira merujuk kepada aliran tunai terdiskaun. Jumlah boleh pulih dijangka untuk aset individu, atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit janaan tunai.

Kerugian akibat rosot nilai dicaj ke keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Penambahan selanjutnya dalam jumlah boleh pulih aset adalah dianggap sebagai penarikbalikan kerugian rosot nilai sebelumnya dan diiktiraf ke tahap jumlah dibawa aset yang akan ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian akibat rosot nilai diiktiraf. Penarikbalikan ini diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian pada tempoh ia ditanggung.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Aset Kewangan

Syarikat mengklasifikasikan aset kewangannya ke dalam pinjaman dan penghutang ("LAR") dan tersedia untuk jualan ("AFS"). Klasifikasi ini ditentukan oleh pengurusan pada pengiktirafan awal dan bergantung pada tujuan pelaburan diperolehi atau dimulakan.

Semua pembelian dan penjualan aset kewangan cara biasa diiktiraf pada tarikh urusan, iaitu tarikh Syarikat menjalankan pembelian atau penjualan aset. Pembelian atau penjualan aset kewangan cara biasa memerlukan aset dihantar dalam tempoh yang ditetapkan secara am oleh undang-undang atau kebiasaan tempat pasaran.

LAR

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Pelaburan-pelaburan ini pada mulanya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama pertimbangan dibayar untuk pembelian pelaburan ini. Semua kos urusan yang terlibat langsung dengan pembelian juga dimasukkan ke dalam kos pelaburan. Selepas pengukuran awal, LAR diukur pada kos pelunasan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak kerugian rosot nilai.

Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pelaburan-pelaburan tidak lagi diiktiraf atau rosot nilai, dan telah melalui proses pelunasan.

AFS

Sekuriti AFS adalah aset kewangan bukan derivatif yang dinyatakan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan sebagai LAR. Pelaburan-pelaburan ini pada mulanya direkod pada nilai saksama tambah kos urusan yang terlibat langsung dengan pembelian. Selepas pengukuran awal, sekuriti AFS diukur pada nilai saksama.

Keuntungan atau kerugian nilai saksama sekuriti AFS dilaporkan sebagai komponen entiti yang berasingan sehingga pelaburan tidak lagi diiktiraf atau pelaburan ditentukan sebagai rosot nilai. Keuntungan dan kerugian nilai saksama atas sekuriti AFS yang dinyatakan dalam mata wang asing dianalisis antara perbezaan pertukaran hasil daripada perubahan dalam kos sekuriti dilunaskan dan perubahan-perubahan lain dalam jumlah dibawa sekuriti.

Perbezaan pertukaran ke atas sekuriti kewangan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian. Perbezaan pertukaran sekuriti bukan kewangan dilaporkan sebagai komponen ekuiti yang berasingan sehingga pelaburan tidak lagi diiktiraf.

Bagi penyahiktirafan atau rosot nilai, keuntungan atau kerugian kumulatif yang dilaporkan sebelum ini dalam ekuiti dipindahkan ke penyata pendapatan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Penentuan nilai saksama

Dasar anggaran nilai saksama Syarikat bagi instrumen kewangan adalah seperti berikut:

<u>Komponen</u>	<u>Kaedah penentuan nilai saksama</u>
(i) Sekuriti Kerajaan Malaysia	Harga pasaran indikatif
(ii) Sekuriti hutang korporat tidak disebut harga	Harga disebut harga oleh agensi dan broker penetapan harga
(iii) Sekuriti ekuiti disebut harga	Harga pasaran disebut harga
(iv) Penghutang pinjaman	Aliran tunai masa hadapan terdiskaun berdasarkan tempoh kematangan yang dikontrakkan. Kadar diskaun adalah berdasarkan kadar faedah pasaran semasa.
(v) Aset dan liabiliti kewangan lain dengan tempoh matang kurang daripada setahun	Nilai dibawa diandaikan untuk menghampiri nilai saksama

(g) Rosot nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunaskan

Syarikat akan menilai sekiranya terdapat bukti jelas bahawa rosot nilai wujud secara individu dalam aset kewangan. Sekiranya terdapat bukti jelas kerugian rosot nilai dalam aset kewangan dibawa pada kos pelunasan, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan terdiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset kewangan tidak dapat dikutip, ia akan dihapuskan terhadap peruntukan berkaitan bagi kerugian rosot nilai.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini disongsangkan dengan menyelaraskan akaun peruntukan. Jumlah yang disongsangkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

AFS

Syarikat menilai pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat bukti jelas bahawa aset kewangan mengalami kerugian rosot nilai. Bagi pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai AFS, penurunan ketara atau berterusan dalam nilai saksama aset kewangan di bawah kos adalah bukti jelas rosot nilai yang akan mengakibatkan pengiktirafan kerugian rosot nilai.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

AFS (sambungan)

Jika terdapat bukti jelas bahawa kerugian rosot nilai wujud dalam aset kewangan yang diklasifikasi sebagai AFS, kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelum ini diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian akan dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi sekuriti hutang, Syarikat menggunakan kriteria dan pengukuran kerugian rosot nilai yang digunakan bagi "aset yang dibawa pada kos dilunaskan" di atas. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang diklasifikasikan sebagai AFS bertambah dan pertambahan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kerugian rosot nilai itu akan disongsangkan menerusi penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam penyata pendapatan ke atas instrumen ekuiti tidak disongsangkan menerusi penyata pendapatan.

(h) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset-aset tersebut telah tamat atau dipindahkan dan Syarikat juga telah memindahkan kebanyakan daripada risiko dan ganjaran pemilikannya.

(i) Dividen kepada pemegang saham Syarikat

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dalam tahun kewangan dividen-dividen itu diumumkan.

(j) Pengklasifikasian produk

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans yang penting. Sebuah kontrak insurans adalah kontrak di mana Syarikat (syarikat insurans) telah menerima risiko insurans penting daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi jika peristiwa masa hadapan tertentu yang tidak pasti (peristiwa yang diinsuranskan) menjejaskan kepentingan pemegang polisi. Sebagai garis panduan am, Syarikat menentukan kemungkinan untuk membayar faedah atas kejadian peristiwa diinsuranskan yang lebih daripada faedah pemiutang sebagai risiko insurans penting jika kejadian diinsuranskan tidak berlaku.

Selepas kontrak diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans untuk baki jangka hayatnya, walaupun risiko insurans banyak berkurangan semasa tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi telah dihapuskan atau tamat.

Pengiktirafan dan pengukuran kontrak insurans dinyatakan dalam Nota 2 (l) kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Insurans semula

Syarikat menyerahkan risiko insurans dalam perniagaan biasanya ke syarikat insurans semula untuk kesemua perniagaannya.

Premium insurans semula menyerahkan dan tuntutan balik diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti dasar asal berkaitan insurans semula dan dibentangkan pada dasar kasar dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan di mana ianya diperolehi.

Faedah Syarikat di bawah kontrak insurans semula diiktiraf sebagai aset insurans semula.

Aset insurans semula mewakili baki terhutang daripada syarikat insurans semula. Jumlah boleh pulih daripada penginsurans semula dijangka mengikut cara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan dijelaskan yang berkenaan polisi penginsurans semula dan adalah selaras dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset insurans semula disemak untuk rosot nilai pada setiap tarikh laporan atau dengan lebih kerap apabila tanda rosot nilai timbul semasa tempoh laporan. Rosot nilai berlaku apabila terdapat bukti jelas hasil daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawa Syarikat mungkin tidak menerima semua jumlah tertunggak yang sudah sampai tempoh di dalam terma-terma kontrak dan peristiwa itu mempunyai kesan yang boleh dikira dengan pasti ke atas jumlah yang akan diterima oleh Syarikat daripada penginsurans semula. Kerugian rosot nilai direkod dalam penyata pendapatan.

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans penting diambil kira secara langsung melalui lembaran imbalan. Ini merupakan deposit aset atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berdasarkan pertimbangan dibayar atau diterima ditolak sebarang premium eksplisit yang dikenal pasti atau yuran yang perlu disimpan oleh pihak diinsuranskan semula. Pendapatan pelaburan ke atas kontrak-kontrak ini diambil kira dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan apabila telah terakru.

Syarikat juga menerima risiko insurans semula dalam perniagaan biasanya untuk kontrak insurans am apabila sesuai.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula diandaikan diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan dalam cara yang sama seperti keadaan jika insurans semula dianggap perniagaan langsung, dengan mengambil kira pengklasifikasian produk perniagaan insurans semula.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Kontrak insurans

Premium daripada kontrak insurans

Premium kontrak insurans diiktiraf dalam tahun kewangan di mana risiko diambil semasa tahun kewangan tertentu. Premium daripada perniagaan langsung diiktiraf semasa tahun kewangan selepas pengeluaran nota debit premium. Premium berkenaan risiko dimulakan untuk nota debit yang belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan diakru pada tarikh tersebut.

Liabiliti kontrak insurans

Liabiliti kontrak insurans diiktiraf apabila kontrak dimulakan dan premium dicaj. Liabiliti-liabiliti ini terdiri daripada liabiliti premium dan liabiliti tuntutan.

(i) Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada berikut yang lebih tinggi:

- (a) agregat rizab premium tidak terperoleh ("UPR"); atau
- (b) nilai anggaran terbaik rizab risiko penanggung insurans yang belum tamat ("URR") pada tarikh penilaian dan Peruntukan Margin Risiko untuk Sisihan Negatif ("PRAD") yang dikira pada paras keseluruhan Syarikat. Jangkaan nilai yang terbaik ialah anggaran prospektif tentang bayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan juga termasuk peruntukan perbelanjaan penanggung insurans, termasuk overhead dan kos insurans semula yang dijangka akan ditanggung semasa tempoh belum tamat dalam pelaksanaan polisi-polisi tersebut serta menjelaskan tuntutan relevan dan membenarkan bayaran balik premium jangkaan pada masa hadapan.

PRAD merupakan komponen tambahan nilai liabiliti yang bertujuan untuk memastikan nilai liabiliti insurans diwujudkan pada tahap di mana tahap keyakinan (atau kebarangkalian) yang lebih tinggi dan liabiliti akan menjadi cukup. Untuk tujuan penilaian URR dan liabiliti tuntutan, tahap keyakinan ditetapkan pada 75% untuk paras keseluruhan Syarikat.

UPR mewakili bahagian premium kasar polisi insurans bertulis bersih daripada premium insurans semula berkenaan yang diserahkan kepada penanggung insurans semula yang berkeelayakan yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat mewakili premium sebenar tidak terperoleh digunakan. UPR dikira mengikut bulan perakaunan untuk premium berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) Kaedah 25% untuk kargo marin dan penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) Kaedah 1/24 untuk semua kelas polisi am Malaysia lain; dan
- (iii) Kaedah pembahagian mengikut masa untuk polisi bukan tahunan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Kontrak insurans (sambungan)

(ii) Liabiliti tuntutan

Perbelanjaan tuntutan dan penyelarasan kerugian dicaj ke dalam keuntungan atau kerugian seperti yang ditanggung berdasarkan liabiliti yang dijangka untuk pampasan yang dihutang kepada pemegang kontrak atau pihak mereka yang terjejas oleh pemegang kontrak.

Liabiliti tuntutan (atau peruntukan tuntutan tertunggak) adalah berdasarkan jangkaan kos muktamad untuk semua tuntutan yang ditanggung tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama kos pengendalian tuntutan yang berkaitan serta pengurangan untuk nilai jangkaan sisaan dan pemulihan lain. Penundaan boleh berlaku semasa pemberitahuan dan penjelasan untuk jenis-jenis tuntutan tertentu, jadi, kos muktamad untuk tuntutan-tuntutan ini tidak boleh diketahui dengan pasti pada tarikh kunci kira-kira. Liabiliti dikira pada tarikh laporan dengan menggunakan teknik-teknik unjuran tuntutan aktuari standard berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang termasuk PRAD yang dikira pada tahap keseluruhan Syarikat. Liabiliti itu tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang dan termasuk peruntukan kerugian bagi tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR"). Peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka tidak diiktiraf. Liabiliti tidak diiktiraf apabila kontrak tamat, dilunaskan atau dibatalkan.

(iii) Ujian kecukupan liabiliti atas liabiliti kontrak insurans

Pada tarikh setiap laporan, Syarikat menyemak semula risiko belum tamatnya dan ujian kecukupan liabiliti dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat lebihan jangkaan tuntutan dan kos perolehan tertunda atas premium tidak terperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai kontraktual masa hadapan (dengan mempertimbangkan nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka timbul ke atas aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal insurans am yang berkenaan. Jika anggaran-anggaran ini menunjukkan bahawa jumlah dibawa premium tidak terperoleh ditolak kos perolehan tertunda yang berkaitan adalah tidak mencukupi, kekurangan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada mulanya dengan melupakan DAC dan kemudian mewujudkan peruntukan kecukupan liabiliti.

Kos perolehan dan Kos Perolehan Tertunda ("DAC")

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans ditolak pendapatan diperolehi daripada premium insurans semula diserahkan diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan secara teratur ke tempoh kewangan di mana ia berkemungkinan menjana pendapatan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Kontrak insurans (sambungan)

Kos perolehan dan Kos Perolehan Tertunda ("DAC") (sambungan)

Kos komisen ditunda sehingga kos-kos ini dipulihkan daripada premium masa hadapan. Semua kos perolehan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, kos-kos ini dilunaskan/diperuntukkan ke tempoh-tempoh mengikut polisi asal yang menjana pendapatan. Pelunasan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Penyemakan semula rosot nilai dilakukan pada setiap tarikh laporan atau dengan lebih kerap apabila terdapat tanda-tanda rosot nilai. Apabila jumlah dipulihkan adalah kurang daripada nilai dibawa, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. DAC juga dipertimbangkan dalam ujian kecukupan liabiliti untuk setiap tempoh perakaunan.

DAC tidak diiktiraf apabila kontrak yang berkaitan tidak dijelaskan atau dilupakan.

(m) Penghutang insurans

Penghutang insurans diiktiraf pada tarikh matang dan dikira atas pengiktirafan awal pada nilai saksama yang mempertimbangkan diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang insurans dikira pada kos dilunaskan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan.

Jika terdapat bukti jelas bahawa penghutang insurans telah rosot nilai, Syarikat akan mengurangkan jumlah dibawa penghutang insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosot nilai ini dalam keuntungan atau kerugian. Syarikat mengumpul bukti jelas bahawa penghutang insurans telah rosot nilai dengan menggunakan proses sama yang dilakukan untuk aset kewangan dibawa pada kos dilunaskan. Kerugian rosot nilai dikira dengan kaedah yang sama yang digunakan untuk aset-aset kewangan ini. Proses-proses ini dijelaskan dalam Nota 2 (g) kepada penyata kewangan.

Penghutang insurans tidak diiktiraf apabila kriteria ketidakiktirafan untuk aset kewangan, seperti yang dijelaskan dalam Nota 2 (h) telah dipenuhi.

(n) Pengiktirafan pendapatan lain

Pendapatan faedah atas semua instrument menghasilkan faedah termasuk sekuriti AFS, diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Pendapatan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan pelaburan apabila hak untuk menerima bayaran adalah kukuh.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Pajak operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajak operasi. Bayaran di bawah pajak operasi adalah dicaj ke dalam penyata pendapatan pada kadar garis lurus sepanjang jangka masa pajakan.

Apabila pajak operasi ditamatkan sebelum jangka masa pajakan tamat tempoh, sebarang bayaran yang harus dibayar kepada pemberi pajak sebagai denda adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan itu berlaku.

(p) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai pendapatan pemiutang yang dijangka berkenaan keuntungan dikenakan cukai dan lebihan pada tahun kewangan dan dikira dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dicukai manakala aset cukai tertunda hanya diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal di mana aset atau liabiliti dalam sesuatu urusan bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusan yang tidak mempunyai kesan ke atas keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh semasa aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara substansial pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian tempoh berkenaan, kecuali apabila ia timbul daripada urusan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan pendapatan diimbangi apabila terdapat hak perundangan yang dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila pendapatan cukai tertunda aset dan liabiliti berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada kedua-dua entiti yang boleh dikenakan cukai atau entiti boleh dikenakan cukai berbeza di mana terdapat niat untuk menyelesaikan baki pada bersih.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka mungkin merupakan obligasi yang wujud disebabkan peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat atau obligasi masa kini yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini. Liabiliti luar jangka juga wujud pada keadaan yang jarang di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana tidak dapat dinilai dengan tepat.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin wujud disebabkan oleh peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengenalpasti aset luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk faedah ekonomi untuk Syarikat adalah satu kemungkinan, tetapi bukan pasti.

(r) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf sekiranya Syarikat mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif pada masa kini disebabkan oleh peristiwa lepas, apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan anggaran jumlah dapat dibuat dengan tepat. Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran semasa terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang menunjukkan risiko khusus kepada liabiliti, di mana wajar. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan akibat peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(s) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka masa pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan wang diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan tersebut diberikan oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat selepas tamat pekerjaan

Caruman Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, skim caruman negara, dicaj ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil tahun kewangan berkenaan. Sekiranya caruman sudah dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai sebarang obligasi pembayaran.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Manfaat pekerja (sambungan)

(iii) Pampasan berasaskan saham

Pekerja Syarikat layak menyertai pelan pampasan berasaskan saham ekuiti jelas yang ditawarkan oleh syarikat induk utama, American International Group Inc. Perkhidmatan pekerja yang diterima sebagai pengganti pemberian saham dan opsyen saham diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada jangka masa hak pemberian saham bersamaan ekuiti tambahan.

Jumlah penuh untuk dibelanjakan pada jangka masa hak ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama opsyen saham diberikan dan mengecualikan kesan hak bukan pasaran (misalnya, keuntungan dan sasaran perkembangan jualan). Keadaan hak bukan pasaran disertakan dalam anggaran bilangan opsyen yang dijangka diberi hak. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menyemak semula anggaran bilangan opsyen saham yang dijangka diberi hak. Ia mengiktiraf kesan menyemak semula anggaran asal, sekiranya terdapat, pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil, bersamaan pelarasan ekuiti.

(t) Mata wang asing

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang yang digunakan dan dikemukakan oleh Syarikat.

Urusniaga dengan mata wang asing ditukarkan kepada mata wang yang digunakan mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Keuntungan dan kerugian daripada pertukaran asing hasil daripada urusniaga-urusniaga tersebut dan kadar pertukaran aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada akhir tahun diambil kira dalam penyata pendapatan.

Semua aset dan liabiliti kewangan pada kunci kira-kira dinyatakan dalam Ringgit Malaysia kecuali dinyatakan lain.

(u) Liabiliti Kewangan Lain dan Pemiutang Insurans

Liabiliti lain dan pemiutang diiktiraf apabila masanya tiba dan dikira atas pengiktirafan awal pada nilai saksama dengan mengambil kira penerimaannya ditolak kos urusniaga yang berkaitan secara langsung. Berikutan pengiktirafan awal, liabiliti dan pemiutang dikira pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan.

(v) Tunai dan tunai setaraan

Tunai dan tunai setaraan terdiri daripada tunai di tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan institusi kewangan dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang untuk tujuan pelaburan.

Syarikat mengklasifikasikan aliran tunai bagi pemerolehan dan pelupusan pelaburan dalam aset kewangan dalam aliran tunai operasinya memandangkan pemerolehan dibiayai dari aliran tunai yang berkaitan dengan asal usul kontrak insurans, tolak aliran tunai untuk pembayaran insurans dan manfaat tuntutan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(w) Peristiwa selepas tarikh penyata kedudukan kewangan

Sebarang peristiwa selepas akhir tahun yang memberikan maklumat tambahan tentang kedudukan Syarikat pada tarikh penyata kedudukan kewangan (peristiwa perlu pelarasan) ditunjukkan dalam penyata kewangan. Peristiwa selepas akhir tahun yang bukan peristiwa perlu pelarasan, jika ada, dibentangkan apabila ia ketara untuk penyata pendapatan.

3. ANGGARAN, ANDAIAN DAN PERTIMBANGAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Namun demikian, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan hasil yang memerlukan pelarasan ketara ke atas jumlah dibawa aset untuk liabiliti yang terjejas pada masa hadapan. Faktor-faktor itu boleh termasuk:

(a) Anggaran dan andaian kritikal perakaunan

Syarikat membuat anggaran dan andaian berkenaan masa depan. Keputusan anggaran perakaunan secara definisi, jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko tinggi menyebabkan pertimbangan penting kepada jumlah aset dan liabiliti yang dibawa dalam tahun kewangan adalah seperti berikut.

Liabiliti tuntutan yang timbul daripada kontrak insurans

Anggaran perlu dibuat untuk kedua-dua jangkaan kos tuntutan muktamad yang dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan jangkaan kos muktamad untuk tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jangka masa yang panjang perlu diambil sebelum kos tuntutan muktamad boleh diwujudkan dengan pasti dan untuk sesetengah polisi, tuntutan IBNR membentuk sebahagian besar peruntukan tuntutan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Teknik utama yang digunakan oleh pengurusan untuk menganggar kos tuntutan pemberitahuan dan IBNR adalah dengan menggunakan arah aliran penjelasan tuntutan yang lepas untuk menjangka arah aliran penjelasan tuntutan masa hadapan. Pada tarikh setiap laporan, anggaran tuntutan tahun kewangan sebelum ini dinilai kecukupannya dan perubahan yang dibuat dicaj ke peruntukan. Peruntukan tuntutan tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang.

Andaian utama dalam anggaran peruntukan tuntutan adalah pengalaman perkembangan tuntutan sejarah Syarikat boleh digunakan untuk mengunjurkan perkembangan tuntutan masa hadapan dan juga kos tuntutan muktamad. Perkembangan tuntutan sejarah biasanya dianalisis mengikut tahun-tahun kemalangan dan mengikut barisan perniagaan penting serta jenis tuntutan. Tuntutan yang besar dikendalikan secara berasingan, sama ada dirizabkan pada nilai muka yang dijangka oleh penaksir kerugian atau diunjurkan secara berasingan untuk mencerminkan perkembangan masa hadapan. Dalam kebanyakan kes, tiada Andaian eksplisit dibuat berkenaan kadar masa hadapan inflasi tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang digunakan adalah andaian yang implisit dalam data perkembangan tuntutan sejarah pada masa unjuran diasaskan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

3. ANGGARAN, ANDAIAN DAN PERTIMBANGAN KRITIKAL PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(a) Anggaran dan andaian kritikal perakaunan (sambungan)

Liabiliti tuntutan yang timbul daripada kontrak insurans (sambungan)

